



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**  
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,  
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.  
Tel: 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : [fama@fama.gov.my](mailto:fama@fama.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **PELANCARAN PASAR TANI KELUARGA MALAYSIA PALONG, NEGERI SEMBILAN**

**JEMPOL, 8 Oktober 2022** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bertanggungjawab dalam mempertingkatkan pendapatan para petani dan usahawan dalam menyediakan ruang pasaran seperti Pasar Tani Kekal (PTK).

PTK Palong, Negeri Sembilan telah siap dibina dan menelan belanja RM2.81 juta akan memberi manfaat kepada 25 orang peserta dan akan beroperasi setiap hari. Impak pembinaan PTK Palong ini akan meningkatkan nilai jualan peserta sehingga 30 peratus dan mewujudkan 100 peratus peluang pekerjaan bagi komuniti setempat iaitu khusus untuk warga Felda Palong.

PTK bertujuan untuk mewujudkan ruang pasaran kepada petani/usahawan bagi memasarkan hasil pertanian mereka terus kepada pengguna di bawah tapak yang kekal.

Sehingga kini, terdapat 36 buah lokasi PTK di seluruh negara yang beroperasi dengan melibatkan implikasi kewangan keseluruhan pembinaan berjumlah RM151.57 juta. Seramai 2,201 peserta PTK telah mendapat manfaat dalam menjalankan perniagaan di bawah PTK dan pencapaian nilai jualan PTK sehingga September 2022 telah mencatatkan RM165 juta. Untuk rekod, lima buah PTK masih dalam pembinaan iaitu di Seberang Jaya, Kuala Kangsar, Putrajaya, Kuala Lipis dan Cameron Highland.

Dengan adanya PTK, para usahawan tani tidak perlu risau lagi dengan masalah seperti cuaca hujan, pemindahan tapak pasar tani atau pasar tani ditutup disebabkan oleh faktor pembangunan setempat.

Volum urusniaga usahawan akan meningkat dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan usahawan dan dapat mengurangkan masalah pemasaran hasil-hasil pertanian.

PTK kini sudah menjadi sebahagian dari budaya masyarakat kita. Ia menjadi rutin hidup mingguan atau bulanan terutamanya bagi kaum ibu untuk membeli barangan segar serta keperluan dapur untuk keluarga masing-masing

PTK juga merupakan medan pertembungan bangsa dan budaya. Kita dapat saksikan peniaga dan pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat dan latarbelakang yang berbeza-beza dan secara tidak langsung hubungan sosial akan terjalin tanpa mengira kaum dan latar belakang agama dan ianya selari dengan konsep Keluarga Malaysia.

MAFI melalui FAMA akan terus proaktif dalam memperkasakan rantaian bekalan seperti mewujudkan pusat pembelian padi, pusat pengumpulan buah-buahan, penambahan pasar tani serta pasar nelayan seperti yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapannya sempena perasmian Pameran Pertanian, Hortikultur Dan Agro Pelancongan (MAHA 2022) pada Ogos lalu.

Hal ini bertepatan dengan aspirasi Keluarga Malaysia di mana elemen menstruktur semula ekonomi itu memerlukan kerjasama dari semua kementerian.

Sehubungan itu, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri mengumumkan pertukaran nama asal PTK kepada Pasar Tani Keluarga Malaysia (PTKM) dan seterusnya merasmikan Pasar Tani Keluarga Malaysia Palong, Negeri Sembilan semasa ucapannya pada program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia peringkat Negeri Sembilan.

Turut hadir, YB Tuan Khairy Jamaluddin Bin Abu Bakar, Menteri Kesihatan Merangkap Menteri Peneraju Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Sembilan, YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara, YB Datuk Mastura Tan Sri Dato' Mohd Yazid, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), YB Datuk Seri Haji Mohd Salim Bin Sharif, Ahli Parlimen Jempol & YBhg. Datuk Wira Haji Ghazale Bin Muhamad, Ahli Lembaga Pengarah FAMA.

YBhg. Dato' Zainal Abidin Bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA turut menyampaikan taklimat kepada para tetamu mengenai pengoperasian PTKM.

#####

**Disediakan oleh:**

**Cawangan Komunikasi Korporat FAMA Ibu Pejabat  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan  
8 Oktober 2022**